

SULIT

Bahasa Melayu

Kertas 1

SEPTEMBER 2023

2 Jam

1103/1

No Kad Pengenalan :

						-								
--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--	--

Nama :

Tingkatan :



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



**JABATAN PENDIDIKAN SARAWAK
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH LIMBANG**

**PEPERIKSAAN SETARA 2 SPM
DAERAH LIMBANG
SEPTEMBER 2023**

**BAHASA MELAYU
KERTAS 1
DUA JAM**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi 2 bahagian. Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab **soalan Bahagian A** dan **satu** soalan daripada Bahagian B.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.
4. Sekiranya helaian tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Markah:

Bahagian A	/30
Bahagian B	/70
JUMLAH	/100

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak termasuk muka depan.

**[Lihat Sebelah]
SULIT**

BAHAGIAN A
[30 Markah]

Baca kedua-dua e-mel di bawah ini dengan telitinya.

Anda dikehendaki menjawab satu soalan daripada e-mel di bawah ini. Tulis e-mel anda itu selengkapnya. Panjangnya e-mel anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

E-mel 1

Daripada :	amalin maisara98@yahoo.com
Kepada :	mukrizamzar@gmail.com
Subjek :	Cara-cara Mengatasi Masalah Penyalahgunaan Media Sosial
<p>Salam hormat abang Mukriz, Bagaimanakah keadaan abang di utara tanah air sekarang? kami sekeluarga amat rindu akan abang.</p> <p>Sebenarnya tujuan saya menulis e-mel ini adalah untuk meluahkan kebimbangan tentang penyalahgunaan media sosial. Isu ini menjadi semakin viral dan bukan sekadar isu pinggir. Keadaan inilah yang berlaku kepada rakan-rakan di sekolah saya. saya sedar bahawa penyalahgunaan media sosial ini sememangnya banyak memberi impak negatif kepada individu itu sendiri. Oleh sebab itu, saya bimbang akan terpengaruh oleh budaya yang kurang sihat ini. Bolehkah abang berikan beberapa cadangan untuk mengatasi penyalahgunaan media sosial tersebut? Saya akan menantikan balasan e-mel daripada abang.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p> <p>Adikmu, Amalin Maisara</p>	

E-mel 2

Daripada :	ainul mardiah98@gmail.com
Kepada :	norhafizah-mohd@hotmail.com
Subjek :	Faktor-faktor yang Menyebabkan Berlakunya Penyalahgunaan Media Sosial
<p>Salam hormat saudari Norhafizah, Apa khabar awak di sana? Saya dan keluarga di sini sihat-sihat sahaja.</p> <p>Sejak awak berpindah ke Johor Bahru, kita sudah jarang berutus e-mel. Maklumlah masing-masing sibuk mengulang kaji pelajaran. Tambahan pula tahun ini kita akan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.</p> <p>Adakah awak memiliki apa-apa saluran media sosial seperti Facebook, Wechat,, Twitter atau Whatsapp? Penggunaan media sosial yang meluas dapat memberikan manfaat, tetapi pada masa yang sama memberikan kesan buruk kepada pengguna juga. Saya mendapati golongan remaja pada hari ini meluangkan lebih banyak masa dengan melayari aplikasi media sosial. Pada pendapat awak, apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya isu penyalahgunaan media sosial ini ?</p> <p>Semoga awak sudi membalas e-mel saya. Saya dahulukan dengan ucapan terima kasih.</p> <p>Yang benar, Ainul Mardiah</p>	

Bahagian B

[70 Markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 20 minit]

Pilih **satu** daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

SOALAN 1

Malaysia dinamakan sebagai sebuah negara yang mempunyai kadar obesiti yang paling tinggi dalam kalangan kanak-kanak dan dewasa dalam rantau Asia dengan rekod setinggi 23.7 peratus daripada mereka yang mengalami masalah obesiti atau kegemukan. Faktor pemakanan dilihat sebagai penyumbang utama masalah obesiti ini dengan pengambilan diet yang tidak seimbang serta kurangnya aktiviti fizikal.

(Sumber: www.astroawani.com, Oktober 24, 2020)

Petikan di atas menjelaskan masalah obesiti yang membelengu sesetengah masyarakat Malaysia. Banyak faktor yang menyumbang kepada masalah obesiti ini.

Huraikan faktor-faktor obesiti dalam kalangan murid sekolah.

SOALAN 2

Kuih-muih Malaysia yang asal usulnya daripada kaum Melayu dan ada juga daripada Nyonya atau Peranakan yang datang dalam pelbagai bentuk, saiz, warna dan rasa. Rasanya pula ada yang manis, berlemak, padat, pedas dan berbau wangi. Kebanyakan kuih-muih tempatan dikukus, dibakar dan dipanggang yang diperbuat daripada bahan tempatan seperti tepung ubi, tepung beras, tepung pulut, tepung jagung, gula melaka, tepung gandum dan pewarna semula jadi seperti bunga telang.

(Sumber: <https://www.alaf21.com.my/info-artikel/680/Jom-Kenali-Kuih-Muih-Tradisional-Malaysia>)

Malaysia dikenali sebagai syurga makanan pada mata dunia. Kekayaan budaya bumi ini mendorong kewujudan pelbagai jenis makanan tradisional yang menyelerakan. Antaranya, kuih Malaysia yang berasal usul daripada kaum Melayu mahupun Peranakan Malaysia menjadi lambang pencuci mulut negara kita.

Berikan pendapat anda tentang usaha-usaha yang harus diambil untuk menonjolkan keunikan dan keenakan pencuci mulut Malaysia di persada dunia.

SOALAN 3

Rakyat Malaysia mesti mengembalikan dan mempromosikan semangat “muhibah” yang menjadi identiti rakyat Malaysia sebelum dan selepas merdeka. Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia, Tan Sri Lee Lam Thye menegaskan bahawa rakyat Malaysia tidak harus menekankan garis perkauman, tidak melihat setiap isu dari sudut perkauman dan mengapi-apikan sentimen perkauman kerana semua ini akan menimbulkan keresahan, ketegangan dan akhirnya akan menjejaskan perpaduan negara.

(Sumber: www.sinarharian.com.my/article/54105.BERITA/Nasional/Kembalikan-semangat-muhibah-identiti-rakyat-Malaysia)

Keunikan pelbagai etnik, agama dan budaya menjadikan Malaysia berbeza. Perbezaan ini turut mengundang cabaran yang besar kepada negara kita untuk terus kekal padu dalam kepelbagaian ini. Antara salah satu unsur yang kerap ditekankan sejak kemerdekaan merupakan semangat muhibah yang mampu merapatkan jurang perbezaan antara rakyat Malaysia.

Sejauh manakah institusi pendidikan dalam negara kita mampu berperanan untuk melahirkan semangat muhibah ini?

SOALAN 4

MERSING: Penyedia perkhidmatan e-hailing, Grab akan memperluaskan tiga rangkaian perkhidmatannya, iaitu GrabCar, GrabFood dan GrabMart ke beberapa bandar kecil di semenanjung Malaysia bulan ini. Ketua Bahagian Kerajaan dan Hal Ehwal Awam Grab Malaysia, Ebi Azly Abdullah berkata inisiatif itu bertujuan untuk mewujudkan lebih banyak peluang untuk komuniti menjana pendapatan dan memperkasakan sektor ekonomi digital negara.

(Sumber: <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/09/728522/grab-perluas-perkhidmatan-ke-bandar-kecil-semananjung>)

Kewujudan perniagaan e-panggilan, iaitu perkhidmatan menempah pengangkutan melalui aplikasi elektronik amat signifikan khasnya apabila terletusnya penularan pandemik COVID-19. Sektor ekonomi mendapat manfaat daripada perkembangan perkhidmatan e-panggilan ini.

Tulis rencana tentang kepentingan perkhidmatan e-panggilan pada zaman ini.